



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 9 BILANGAN 21

RABU 6 NOVEMBER, 1963.

رابعو 20 جمادالخير 1383

PERCHUMA

MAJLIS MESHUARAT NEGERI BRUNEI

Meluluskan 2 Rang Undang2

BANDAR BRUNEI.—Meshuarat Ke-dua dari Musim Perma-shuaratan Ke-empat Majlis Meshuarat Negeri Brunei yang telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada hari Rabu 23 Oktober, 1963 telah meluluskan dua Rang Undang2 yang di-chadangkan oleh Peguam Negara Brunei, Yang Berhormat Inche Idris Talog Davies.

Rang Undang2 itu ia-lah Undang2 Melombong Minyak Petroleum, 1963 dan Undang2 Chukai Pendapatan (Petroleum), 1963.

Majlis itu telah di-mulai dengan bache'an Do'a Selamat oleh Kadhi Daerah Temburong, Yang Mulia Inche Ishak bin Adam.

Kemudian Pemangku Pegawai Perubatan Negara, Brunei, Yang Berhormat Doktor P. I. Franks telah mengangkat sumpah,

Yang Berhormat Pehin Dato Temenggong Lim Cheng Choo telah mengemukakan dua so'alan bertulis dan Yang Berhormat Inche R. D. Ross telah mengemukakan enam so'alan bertulis di-majlis itu.

Tujuh so'alan2 jawab mulut telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Umar dan dua so'alan2 jawab mulut di-kemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Merusin bin Abdullah.

Uchapan penanggoan majlis itu telah di-chadangkan oleh Menteri Besar Brunei, Yang

Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un.

Sa-lepas itu tiga orang Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri telah menyampaikan ucapan2 penanggohan.



Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un telah merasmikan pembukaan Meshuarat Agung Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada hari Juma'at 25 Oktober, 1963. Dalam gambar ini kelihatan Y.A.B. Dato Seri Paduka Marsal sedang menerima sa-buah chenderamata yang di-hadiahkan oleh P.G.G.M.B. kepada beliau. Chenderamata itu di-sampaikan oleh Chegu Dayangku Fatimah binti Pengiran Salim. Berdiri di-belakang Y.A.B. Dato Seri Paduka Marsal ia-lah Yang Dipertua Agung P.G.G.M.B. Chegu Shahbuddin bin Saleh.

Beliau2 itu ia-lah Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Umar, Yang Berhormat Inche R. D. Ross dan Yang Berhormat Awang Langkah Anak Rantap.

Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un kemudian telah mengulas ucapan2 penanggohan tersebut dengan menjawab-nya berdasarkan tujuan2 Kerajaan Negeri Brunei untuk perkembangan dan kema'amoran negeri ini.

Sa-lepas itu Dato Speaker Majlis Meshuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Moha-

med Jahfar telah menanggohkan persidangan tersebut hingga ka-satu tarikh yang akan datang.


Y.T.M. DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA KEMBALI KA-BRUNEI

BERAKAS.—Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei telah kembali ka-Brunei dari Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada tengah hari Isnin 4 November untuk menyempurnakan kelepasan persekolahan di-Tanah Ayer.

Y. T. M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota telah di-iringi oleh adinda-nya Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Mulia Awangku Kamarulzaman, anakanda Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud yang telah juga kembali ka-Brunei untuk menyempurnakan kelepasan persekolahan.

Professor Alisjahbana Melawat Brunei

BANDAR BRUNEI.—Professor Sutan Takdir Alisjahbana, Ketua Jabatan Pengajian Melayu di-Universiti Malaya telah melawat ka-Brunei pada hari Ahad, 3 November dalam bidang lawatan-nya ka-Negeri Brunei, Sabah dan Sarawak. Beliau telah memberikan cheramah berkenaan dengan Bahasa Melayu di-Majlis Cheramah anjoran P.G.G.M.B. di-dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah pada malam 4 November.



Gambar ini telah di-ambil sa-lepas di-langsungkan upacara pembukaan rasmi Meshuarat Agung Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada 25 Oktober, 1963.

Amanat Y.A.B. Dato Seri Paduka Marsal Kapada P.G.G.M.B.

"SERIA. — "Saya menaruh keyakinan penuh bahawa selagi Persekutuan ini mengamalkan dasar2 yang benar sa-bagaimana yang terchatet dalam Undang2 yang sah bagi Persekutuan ini, dan sa-lagi ia terus berpegang tegoh kepada prinsip2 yang berguna untuk kepentingan nusa dan bangsa, maka Persekutuan ini akan terus menerus maju dan bergerak seimbang dengan perkembangan dan pembangunan negara kita Brunei Darul Salam". Demikian kata Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un yang juga menjadi Penasehat Agong, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah melafadzkan kata-kata tersebut ketika memberikan ucapan di-majlis pembukaan rasmi Meshuarat Agong Ulang Tahun Persekutuan Guru2 Melayu Brunei kali yang ke-enam belas di-dewan Maktab Anthony Abell, Setia pada pagi hari Juma'at 25 Oktober, 1963.

Ketika mulai berucap di-majlis tersebut, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah mengucapkan terima kasih atas penghargaan pihak Persekutuan Guru2 Melayu Brunei yang telah memberikan peluang yang berharga itu kepada beliau untuk memberikan ucapan dan nasehat2 bagi pihak persekutuan itu.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal berkata bahawa sesungguhnya beliau merasa berbangga pada hari tersebut kerana berpeluang menghadhiri upacara pembukaan rasmi Meshuarat Agong Persekutuan Guru2 Melayu Brunei yang merupakan suatu tanda baik dalam perjalanan persekutuan itu dalam pergerakan-nya terus menerus hidup dan maju.

Selanjutnya Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal menegaskan bahawa semenjak Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-tubuhkan pada tahun 1938, ia-itu sejak abad yang lampau, persekutuan itu telah melalui peristiwa2 yang pahit dan yang manis.

Persekutuan tersebut, kata Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal, telah di-besarkan dalam pengalaman2 yang besar yang berguna menjadi ka-cha perbandingan kepada sa-tiap ahli-nya yang bertugas menjalankan hak2 azasi yang halal pada sisi Undang2 Negara; hendak-nya segala pengalaman2 itu menjadi tunjangan dasar dan pedoman dalam perjalanan untuk menentukan maju dan jaya-nya persekutuan itu.

Kemudian Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah menaruh perhatian para hadirin kepada beberapa perkara yang agak menjadi pegangan hidup pada satriap orang dewasa, ia-itu ILMU PENGETAHUAN!

"Sa-tiap orang yang sedar akan tanggung jawab diri-nya

kapada bangsa dan negara", kata Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal, "haruslah berdaya upaya untuk memperdalam dan meninggikan ilmu pengetahuan mereka, apa-lagi sa-bagai guru pendidik bangsa, ilmu pengetahuan haruslah merupakan suatu perkara yang terpenting sekali.

"Lagi satu perkara ada-lah SO'AL EKONOMI. Sesuatu bangsa atau apa sahaja, tidak akan terus menerus mempertahankan hidup-nya, jika ekonominya lemah. Tuan2 sabagai suatu Persekutuan, perkara ini-lah menjadi perkara penting dan besar erti-nya."

Akhir-nya Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal telah menyerukan, "Hidup-lah Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dengan kerjasama ahli2-nya sa-bagai suatu badan yang berfaedah bukan sahaja bagi kaum guru khusus-nya, tetapi juga kapada Masyarakat, Bangsa dan Negara yang terchinta ini seluroh-nya."

MAJLIS CHERAMAH ASTERAWANI

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) telah mengadakan satu Majlis Cheramah bertempat di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei, (Bangunan sementara) pada petang hari Juma'at 1 November.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar, Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Jabatan Pelajaran, Brunei serta Yang Berhormat Inche Mohamed Salleh bin Haji Masri, Pegawai Kebajikan Masyarakat Negara, Brunei ia-lah di-antara orang2 yang telah bercheramah di-majlis tersebut.

PEGAWAI PELAJARAN NEGARA BRUNEI, PUJI GURU-GURU

SERIA. — Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Yang Berhormat Inche Malcolm MacInnes telah berkata pada masa memberikan ucapan di-majlis pembukaan rasmi Meshuarat Agong Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-dewan Maktab Anthony Abell, Setia pada pagi hari Juma'at 25 Oktober bahawa beliau berharap persekutuan itu dan ahli2-nya akan meneruskan ta'at setia yang tidak berbelah-bagi kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Kerajaan.

Dalam ucapan-nya, Yang Berhormat Inche MacInnes berkata bahawa Persekutuan Guru2 Melayu Brunei ia-lah sa-buah persekutuan yang berpengaruh di-dalam Negeri Brunei.

Kesetian ahli2 persekutuan itu, kata-nya, akan dapat memberikan pertolongan kepada negeri ini atas kejayaan mencapai keamanan, kema'amoran dan kemajuan.

Selanjut-nya beliau berkata bahawa beberapa kesulitan mengenai hal ehwal pelajaran dalam negeri ini telah berlaku semenjak berletus penderhakaan dalam bulan Desember tahun lalu.

Semenjak masa itu, kata-nya, sa-tengah daripada sekolah2 te-

lah di-gunakan sa-bagai tempat2 tinggal Pasokan2 Keselamatan dan pembukaan sekolah2 itu terpaksa di-tangguhkan sa-hingga bangunan2 yang lain di-dirikan.

Banyak daripada kesulitan2 itu telah dapat di-atasi dan pelajaran pun telah mulai berjalan seperti sedia kala sungguhpun empat buah sekolah di-Bandar Brunei masih di-gunakan oleh Pasokan2 Keselamatan dan Maktab Perguruan Melayu Brunei masih di-gunakan sa-bagai Pusat Tahanan.

Kemudian Yang Berhormat Inche MacInnes telah memuji-kan guru2 di-Sekolah2 Melayu, Sekolah2 Inggeris kepunyaan Kerajaan, Sekolah2 Misi dan

Sekolah2 China dengan berkata bahawa semua guru2 itu bersungguh2 bekerja dengan tekun dan ta'at setia dan beliau dengan ikhlas-nya menghargai usaha serta kerja-sama mereka pada sa-panjang tahun.

Beraleh kapada sekolah2 pula, Yang Berhormat Inche MacInnes berkata, "Kita di-Brunei sekarang sedang menghadapi apa yang di-panggil suatu letupan kapada ramai-nya murid2 di-dalam sekolah.

"Murid2 di-Sekolah2 Melayu pada tahun ini telah bertambah sa-banyak 3,500 orang dan tambahan ini akan berganda2 pada tahun2 yang akan datang.

"Sekolah yang baharu tambahan kapada sekolah2 yang ada sekarang ada-lah di-kehendaki untuk memberi tempat kapada tambahan2 murid itu. Sa-tengah daripada pekerjaan ini telah pun di-jalankan.

"Sa-buah Sekolah Melayu yang baharu sedang di-dirikan di-Rampayoh di-Ulu Belait. Mendirikan tambahan kapada Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei telah pun di-mulakan. Tidak berapa lama lagi pembenaan tambahan kapada Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dan Sekolah Melayu Muhammad Alam Setia akan di-mulakan juga.

"Ranchangan bagi sa-buah sekolah baharu untuk murid2 perempuan di-Brunei telah pun siap dan di-harap bahawa kerja2 untuk mendirikan-nya akan di-mulakan pada awal tahun 1964".

Seterus-nya beliau berkata bahawa ranchangan mendirikan sekolah yang tetap di-kampung2 yang hanya sekarang ini mempunyai sekolah2 kajang yang sementara sudah pun di-benarkan dan pembenaan akan di-mulakan bila sahaja keadaan di-Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kemajuan Negara membenarkan.

WAKTU2 SEMBAHYANG DAN AMSAK

Waktu sembahyang dan amasak bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 6 November hingga hari Selasa 19 November, 1963 ada-lah sa-perti di-bawah ini:—

6	4.34	4.49	12.15	3.34	6.14	7.27
7	4.34	4.49	12.15	3.34	6.14	7.27
8	4.34	4.49	12.15	3.34	6.14	7.27
9	4.34	4.49	12.15	3.34	6.14	7.27
10	4.35	4.50	12.16	3.35	6.14	7.27
11	4.35	4.50	12.16	3.35	6.14	7.27
12	4.35	4.50	12.16	3.35	6.14	7.27
13	4.35	4.50	12.16	3.35	6.14	7.27
14	4.35	4.50	12.16	3.35	6.14	7.27
15	4.35	4.50	12.16	3.35	6.14	7.27
16	4.36	4.51	12.16	3.35	6.14	7.27
17	4.36	4.51	12.16	3.35	6.14	7.27
18	4.37	4.52	12.17	3.36	6.15	7.28
19	4.37	4.52	12.17	3.36	6.15	7.28

Waktu sembahyang dan amasak bagi Daerah Setia dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

PENGHULU2 DAN KETUA2 KAMPONG ADA-LAH SA-BAGAI WAKIL2 KERAJAAN DI-KAMPONG MASING2

BANDAR BRUNEI.—Penghulu2 dan Ketua2 Kampung adalah sa-bagai Wakil2 Kerajaan bagi kampung masing2 untuk kebaikan, keamanan dan ketenteraman kampung mereka. Demikian kata Yang Mulia Pengiran Dato Pahlawan Jaya bin Pengiran Hj. Rajid, Pegawai Pemerintah Daerah Pulis, Brunei.

SHARAHAN2 UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei akan melawat ka-beberapa tempat di Negeri Brunei dalam bulan ini untuk memberi sharahan berkenaan dengan Ugama Islam. Jadual lawatan anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam ebut ada-lah saperti di-bawah ini:

Hari Juma'at 8 November: 11.30 pagi ka-12.30 tengah hari — Masjid Batu Apoi, Temburong. 2.30 petang ka-3.30 petang — Kampung Burong Pingai, Belakas.

Hari Rabu 13 November: 8.30 malam ka-10.30 malam — Sekolah Melayu Labi, Ulu Belait.

Hari Khamis 14 November: 8.30 malam ka-10.30 malam — Sekolah Melayu Bukit Sawat, Ulu Belait.

Hari Juma'at 15 November: 11.30 pagi ka-12.30 tengah hari — (a) Masjid Danau, Tutong dan (b) Masjid Kampung Puda, Brunei.

Hari Juma'at 22 November: 2.30 petang ka-3.30 petang — Kampung Saba Ujong, Kampung Ayer, Bandar Brunei.

Hari Juma'at 29 November: 11.30 pagi ka-12.30 tengah hari — Masjid Pengkalan Batu, Bahagian Brunei. 2.30 petang ka-3.30 petang — Kampung Sungai Kedayan 'A', Kampung Ayer, Bandar Brunei.

menjalankan tangkapan dan berkena dengan perkara2 yang wajib di-buat kepada orang2 yang di-tangkap.

Turut hadir di-majlis tersebut ialah Senior Inspektor Ahmad bin Hashim.

Pengiran Dato Pahlawan Jaya juga telah menjawab beberapa so'alan yang telah di-kemukakan oleh Penghulu2 dan Ketua2 Kampung di-majlis tersebut.

Dalam jawapan-nya, Pengiran Dato Pahlawan Jaya berkata bahawa dengan sifat Penghulu2 dan Ketua2 Kampung sa-bagai Wakil2 Kerajaan bagi kampung masing2, maka terpulang-lah kepada kebijaksanaan mereka untuk menjalankan kewajipan masing2.

Beliau menegaskan lagi bahawa hendak-lah Penghulu2 dan Ketua2 Kampung itu mengadakan semua kesalahan kepada pihak2 yang bertanggong jawab.

Ketika menamatkan majlis perjumpaan tersebut Inche Johari berharap bahawa sa-moga segala penerangan yang telah di-beri oleh Pengiran Dato Pahlawan Jaya di-majlis tersebut kelak menjadikan sa-bagai panduan yang besar terhadap Penghulu2 dan Ketua2 Kampung samom-nya.

PELANCHONG2 AMERIKA MELAWAT BRUNEI

BERAKAS. — Sa-rombongan 16 orang pelanchong2 dari Amerika Sharikat telah melawat ka-Brunei pada hari Ahad 20 Oktober dalam bidang lawatan mereka mengelilingi dunia.

Para pelanchong tersebut telah di-ketuai oleh Inche Keats Tyler.

Sa-belum tiba di-Brunei mereka telah pun melawat ka-beberapa buah negeri di-antara-nya ialah Australia, New Zealand dan Pulau2 Solomon.

Mereka telah berlepas ka-Hong Kong dengan menaiki kapal terbang Cathay Pacific Airways pada hari Isnin 21 Oktober.

Dalam masa yang singkat para pelanchong itu melawat ka-Negeri Brunei, mereka telah dibawa melawat ka-beberapa tempat yang indah di-negeri ini, di-antara-nya ialah kawasan Kampung Ayer dan kawasan Telaga Minyak di-Seria.

PRESIDEN P. I. P. MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Presiden Persatuan Islam Philipina, Tuan Ahmad Alonto Al-Haj telah melawat ka-Negeri Brunei baharu2 ini dalam bidang lawatan-nya ka-beberapa buah negara di-Tenggara Asia.

Semasa berada di-Negeri Brunei, Tuan Ahmad Alonto Al-Haj telah mengadap Kabawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin di-Istana Darul Hana, mengadakan perjumpaan dengan Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un melawat ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin dan ka-lain2 tempat.

Tuan Ahmad Alonto Al-Haj ia-lah juga sa-orang anggota Jawatan Kuasa Kerja Kongres Islam bagi Asia Tenggara.

Dalam satu pertemuan dengan Tuan Ahmad Alonto Al-Haj, beliau berkata bahawa Persidangan Tahunan Kongres Islam Sa-Dunia akan di-adakan di-Kuala Lumpur dalam bulan January tahun 1964.

Wakil2 dari lebih daripada dua puluh buah negeri di-Asia Tenggara, Timor Jauh dan lain2-nya di-jangka menghadhiri persidangan tersebut, kata-nya lagi.

Beliau berharap bahawa Negeri Brunei juga akan menghantarkan Wakil2 dari negeri ini untuk menghadhiri Persidangan Tahunan Kongres Islam Sa-Dunia di-Kuala Lumpur kira2 dua bulan lagi.

Majlis Perjumpaan Pengakap



Satu majlis perjumpaan Pengakap2 di-Daerah Brunei telah diadakan di-Padang Besar, Bandar Brunei baharu2 ini. Pesuruh Jaya Tinggi Kerajaan Inggeris di-Negeri Brunei, Yang Terutama Inche Angus Mackintosh telah menyampaikan Sijil2 kepada Pengakap2 yang telah berjaya memperolehi Lenchana2 Pengakap Baginda Queen dan Surat2 Tauliah kepada Pegawai2 Pengakap. Beliau juga telah menghadiahkan Barisan — Y.T.U. Inche Angus Mackintosh (kanan) kelihatan sa-masa memeriksa Barisan Kehormatan Pengakap di-majlis itu. Gambar kanan — Menteri Besar Brunei, Y.A.B. Dato Seri Paduka Marsal kelihatan pada masa berucap di-majlis tersebut.



ASKAR MELAYU BRUNEI MENYAMBUT HARI JADI D.Y.M.M. DI-PERKHEMAHAN SIGINTING

PORT DICKSON. — Askar Melayu Brunei telah mengadakan perayaan2 bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kali yang keempat puluh tujuh bertempat di Perkhemahan Siginting pada hari Rabu 16 Oktober, 1963.

Ini-lah pertama kali Askar Melayu Brunei mengadakan sambutan tersebut semenjak pasokan itu ditempatkan di-Perkhemahan Siginting dalam bulan Julai 1962.

Sungguh pun Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan jatuh pada 23 September, akan tetapi Askar Melayu Brunei terpaksa menunda perayaan-nya terlebih daripada tarikh itu disebabkan pemergian satu pasokan Askar Melayu Brunei dan Pancharagam Askar Melayu Brunei ka-Negeri Brunei untuk mengambil bahagian di-Istiadat Perbarisan sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Perayaan itu telah di-mulai dengan mengadakan satu perjumpaan am parajurit2 Askar Melayu Brunei di-Perkhemahan Siginting pada pagi 16 Oktober.

Pegawai Pemerintah Askar Melayu Brunei, Lieutenant Colonel Tengku Ahmad bin Tengku Besar Burhanuddin telah berucap di-majlis tersebut.

Dalam ucapan-nya, Lieutenant Colonel Tengku Ahmad berkata bahawa parajurit2 Askar Melayu Brunei telah di-latih dengan chukup-nya.

Lieutenant Colonel Tengku Ahmad berkata beliau telah menyaksikan kebolehan2 Askar Melayu Brunei dan mereka telah membuktikan bahawa pasokan Askar Melayu Brunei ada-lah satu pasokan tentera yang handal di-seluruh Port Dickson dan Negeri Sembilan am-nya, bukan sahaja di-lapangan tentera, bahkan di-lain2 lapangan sa-perti lapangan sukan dan lain2-nya juga, kata-nya.

Lieutenant Colonel Tengku Ahmad menegaskan bahawa beliau faham bagaimana resah gelisah sekalian parajurit2 tersebut sa-telah berpisah jauh dari kampung halaman, ibu bapa, anak isteri dan sahabat handai.

Beliau selanjut-nya berkata, "tetapi lambat laun, kamu akan kembali ka-Tanah Ayer kamu sendiri sa-perti kata pepatah :

"TAK SUNGGUH SELUANG MELAUT—AKHIR- NYA KA-PANTAI JUGA!"

"Di-dalam masa enam atau tujuh bulan lagi, Perkhemahan Askar Melayu Brunei di-Berakas, Brunei akan siap di-bena.

"Tarikh kamu pulang ka-Brunei tidak lama lagi akan di-ishtiharkan oleh Kerajaan Brunei."

Parajurit2 tersebut telah mengadakan satu temasha Pasar Ria mulai daripada pukul 10.30 pagi

hingga ka-pukul 5.30 petang.

Di-antara acara yang telah di-adakan di-temasha itu ia-lah jualan makanan yang beraneka chorak, jualan dan chabutan undi Lotteri Kebajikan Askar Melayu Brunei.

Pada sa-belah malam pula, telah di-adakan upacara sembahyang berjuma'ah, di-ikuti dengan jamuan "Makan Besar" untuk semua Pegawai2 dan lain2 peringkat Askar Melayu Brunei.

Majlis itu di-akhiri dengan bacaan Do'a Selamat oleh Guru Ugama, Garisen Port Dickson Tuan Haji Basiron.

Achara kemonchak perayaan2 tersebut ia-lah persembahan pentamasan "Chorak Chorek Radio Malaysia."

Di-antara "Bintang2" yang telah mengambil bahagian di-temasha tersebut ia-lah Fazidah Joned Bintang Radio Malaya 1962, Bintang Kalong Senandang TV Singapura dan biduanita piring hitam "Menanti Malam Tiba", Rahim Omar, Nyoryol Malis, serta ahli2 lawak tiga serangkai — Jamal Kerdil, Leng Hussin dan Marsita.

Inche Ismail Jar, Juruhebah, Bahagian Melayu, Radio Malaysia telah mengetuai rombongan para pelakon tersebut.

Turut mengambil bahagian di-temasha tersebut ia-lah Pancharagam Askar Melayu Brunei dan Orkes Enam Serangkai, Kuala Lumpur di-bawah pimpinan Inche Shahrudin Amin.

Di-dalam suasana riang dan gembira ini tidak-lah ketinggalan juga parajurit2 Askar Melayu Brunei memberikan sumbangan2 mereka.

Sa-buah lagu "Halus Samalindang" telah di-nyanyikan oleh B.3164 Awang Yahya, manakala beberapa orang parajurit telah turut mempersembahkan tarian Brunei Asli, "Adai2" dan "Long".

Perayaan2 menyambut Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan oleh Askar Melayu Brunei di-Perkhemahan Siginting telah di-tamatkan pada tengah malam 16 Oktober dengan Pancharagam Askar Melayu Brunei memainkan Lagu Kebangsaan Negeri Brunei dan Orkes Enam Serangkai memainkan Lagu Kebangsaan Malaysia, "Negara Ku". — Kiriman Second Lieutenant Mohamed bin Haji Da Askar Melayu Brunei.

SAMBUTAN HARI PUJA USIA BAGINDA OLEH PERSATUAN PENUNTUT2 BRUNEI DI-U.K.

LONDON. — Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom telah mengadakan satu majlis jamuan di-Northumberland Grand, London pada hari Sabtu 28 September untuk menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

Ucapan2 telah di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh Inche Adenan bin Penyurat Haji Abu Bakar, bekas Yang Dipertua, Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom dan oleh Inche Rosli bin Omar, Yang Dipertua baharu persatuan itu.

Inche Adenan telah mengucapkan berbilang2 terima kasih kepada semua ahli2 persatuan tersebut yang telah bekerjasama da'am berbagai2 lapangan pada tahun yang lalu untuk mengharumkan nama baik persatuan itu.

Dalam ucapan-nya, Inche Adenan telah mengucapkan berbilang2 terima kasih kepada Kerajaan Brunei yang telah memberikan berbagai2 pertolongan kepada Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom.

Beliau juga telah menguchap-

kan berbilang2 terima kasih kepada Dato dan Datin Pretty, Shell International dan lain2-nya

yang telah menyumbangkan bermacam2 bantuan terhadap persatuan tersebut.

Inche Adenan telah mengucapkan tahniah kepada Yang Dipertua baharu persatuan tersebut, Inche Rosli bin Omar serta juga kepada semua ahli2 Jawatan Kuasa baharu persatuan itu.

Inche Rosli telah menguchapkan berbilang2 terima kasih atas kedatangan para hadhirin di-majlis tersebut.

Dalam ucapan-nya beliau berkata bahawa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin, ia-lah sa-orang Sultan yang amat di-kasih oleh ra'ayat Baginda serta juga sa-orang Sultan yang bijaksana.

Inche Rosli telah menguchapkan berbilang2 terima kasih kepada ahli2 persatuan itu yang bertugas sabagai Ahli2 Jawatan Kuasa Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan terhadap pekerjaan2 yang mereka telah melakukan untuk menjayakan majlis tersebut.


Beliau telah meminta semua ahli Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom supaya menguchapkan Selamat kepada Baginda bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda sambil berdo'a kahadzrat Tuhan Yang Maha Asa sa-moga melanjutkan usia Baginda dengan memperoleh kesenangan dan kema'amoran pada sa-tiap masa.

Majlis itu di-akhiri dengan bacaan Do'a Selamat oleh Inche Aziz — Kiriman Inche Hurairah bin Haji Mohamed Taha, Pegawai Penerangan, Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom.




INCHE ROSLI

kan berbilang2 terima kasih kepada Dato dan Datin Pretty, Shell International dan lain2-nya



Penolong Pegawai Daerah Belait, Y.M. Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh kelihatan dalam gambar ini pada masa beliau merasmikan pembukaan sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Mukim Labi, Ulu Belait baharu2 ini.



Rombongan Pegawai2 UGAMA dari Negeri Brunei bergambar dengan Pengawas Taman Kanak2 di-Johore Baharu, Puan Hajjah Zainon binte Sulaiman (Ibu Zain) pada masa lawatan ka-taman itu baharu2 ini.

PEGAWAI2 DAN GURU2 UGAMA BRUNEI MELAWAT SINGAPURA DAN MALAYA

BERAKAS. — Sa-rombongan delapan belas orang Pegawai2 dan Guru2 UGAMA di-Negeri Brunei telah kembali ka-Brunei pada 30 Oktober sa-telah melawat ka-Singapura dan Malaya sa-lama tiga minggu.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal UGAMA Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin serta ramai kaum keluarga dan sahabat handai Pegawai2 dan Guru2 UGAMA tersebut telah menyambut mereka di-Lapangan Terbang Brunei.

Berhubung dengan lawatan tersebut Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin berkata bahwa sunggoh pun Brunei sekarang belum mem-

punyai Kerajaan yang di-pilih, akan tetapi Kerajaan sudah pun sedar untuk melaksanakan perkembangan2 negara bagi faedah ra'ayat dalam lapangan ugama dan lain2 lapangan.

"Sekarang Kerajaan telah pun menghantar Pegawai2 UGAMA ka-Singapura dan ka-Malaya untuk mendapat latehan yang lebeh lanjut dan ini membuktikan bahawa Kerajaan ada-lah sentiasa memberi kesempatan kepada Pegawai2 dan ra'ayat Brunei yang mempunyai kelayakan. Ini terulang-lah kepada mereka yang menerima kesempatan itu untuk melaksanakan-nya dengan sempurna", kata Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin.

Pegawai Daerah Belait, Yang Mulia Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail (kanan) telah merasmikan pembukaan Sambutan Hari Puja Jais D. Y. M. M. di-Bukit Sawat Ulu Belait baharu2 ini. Gambar2 ini telah di-ambil di-temasha itu.



SHARIKAT MINYAK HADIAH PEMBESAR SUARA

KAMPONG BERBUNUT. — Satu upacara menyampaikan alat2 pembesar suara yang di-hadiahkan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad kepada Mesjid Kampung Berbunut telah diadakan di-mesjid itu pada pagi hari Juma'at 1 November.

Alat2 pembesar suara itu telah di-sampaikan bagi pihak Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad oleh Wakil Sharikat Minyak itu di-Bandar Brunei, Inche P. A. Coates kepada Imam Masjid Kampung Berbunut, Yang Mulia Tuan Haji Merpuji bin Noordin.

Mesjid itu letak-nya di-Pulau Berbunut di-Kuala Sungai Brunei telah di-bangunkan dalam tahun 1955 dan telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dalam bulan September 1958.

Inche Coates berharap sa-moga alat2 pembesar suara yang di-hadiahkan oleh Sharikat Minyak Shell kepada Mesjid Kampung Berbunut, akan membawa faedah kepada penduduk2 kampung itu dalam menjalankan pekerjaan2 yang berkebakikan kelak.

Kadhi Daerah Temburong, Inche Ishak bin Adam telah berucap bagi pihak Jabatan Hal Ehwal UGAMA Negeri Brunei di-majlis itu.

Turut memberikan ucapan di-majlis itu ia-lah Setia Usaha

Mesjid Kampung Berbunut, Inche Mohamed Seruddin bin Alihassan; Ketua Kampung Berbunut, Inche Abdul Hamid bin Mohamed Rais dan oleh Inche Mohsin Safar bagi pihak Imam Mesjid Kampung Berbunut, Tuan Haji Merpuji.

Jawatan Kuasa Tertinggi P.G.G.M.B

SERIA. — Ahli2 Jawatan Kuasa Tertinggi Persekutuan Guru2 Melayu Brunei untuk Tahun 1963-1965 yang telah dilantik dalam Meshuarat Agong P.G.G.M.B. baharu2 ini ada-lah seperti berikut:

Pengerusi Tetap—Inche Mohamed Husain bin Mohamed Yusof. Yang Dipertua Agong—Inche Shahbuddin bin Saleh. Naib Yang Dipertua Agong—Inche Mohamed Yusof Tahir. Setia Usaha Agong—Inche Umar bin Mohamed dan Penyimpan Wang—Inche Mohamed Daud Seruddin.



Pegawai2 dan anggota2 Polis di-Daerah Brunei telah mengadakan satu "Majlis Perpisahan dan Mengucapkan Tahniat" kepada beberapa orang Pegawai2 dan anggota2 Polis di-Kedai Makan, Polis Bandar Brunei pada malam 26 Oktober, 1963 dan di-hadiri oleh ramai para jemputan serta Pegawai2 dan anggota2 Polis. Dalam gambar ini kelihatan Pegawai Pemementah Polis Daerah Brunei, Yang Mulia Pengiran Dato Pahlawan Jaya (kiri sekali) sedang memberikan ucapan di-majlis tersebut. Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei merangkap Pengarah Siaran Radio dan Penerangan, Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim (nombor dua dari kiri) kelihatan dalam gambar ini sedang berchakap dengan Timbalan Pesuruh Jaya Polis, Inche Slater (kanan sekali) di-majlis itu. Nombor dua dari kanan ia-lah Kopral Pengiran Damit dari Pasokan Polis Brunei.



Beberapa orang penuntut2 Maktub Perguruan Melayu Brunei telah mengadakan lawatan sambil belajar ka-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei baharu2 ini. Dalam gambar ini kelihatan Pegawai Siaran Radio dan Penerangan Daerah Brunei, Pengiran Haji Puteh sedang memberikan penerangan kepada penuntut2 itu pada masa lawatan tersebut.

"SANG RANGKAK" TIBA DI-SERIA

"SANG RANGKAK"—IA-ITU BUAYA, TELAH KELIHATAN SA-MULA DI-SUNGAI SERIA BAHARU2 INI! OLEH ITU IBU BAPA DI-MINTA SUPAYA JANGAN MEMBIARKAN ANAK2 MERKA MENDEKATI SUNGAI ITU.

KERJA - KERJA KOSONG

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkebolehan dan menjadi ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut dalam Rancangan Menghapuskan Malaria:—

(a) KETUA PASOKAN DALLAM PERCHUBAAN: (4 jawatan kosong).

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(1) Mesti-lah berkelulusan Darjah V Sekolah Melayu dan Form II Sekolah Inggeris.

(2) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan seperti yang dinyatakan di-para (1) atas tetapi berpengalaman selama dua tahun dalam pekerjaan anti-malaria akan juga di-timbangkan.

(3) Chalon2 mesti-lah biasa dengan kawasan2 luar bandar, adat resam dan kebudayaan penduduk2 luar bandar.

(4) Pengetahuan teknik tidak di-perlukan. Latehan akan di-beri sa-telah di-lantek.

(5) Pemohon2 ada-lah di-perlukan mempunyai pengalaman dalam kerja menjaga buroh.

Gaji:

Dalam scale \$211-220x10-260-280-290-310-330.

(b) KERJA MEMANCHIT NYAMOK:

(6 jawatan kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(1) Mesti-lah berkelulusan Darjah VII Sekolah Melayu dan mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris.

(2) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan seperti yang dinyatakan di-para (1) atas tetapi berpengalaman selama satu tahun dalam bidang kerja2 memanchit anti-malaria akan juga di-timbangkan.

(3) Mesti-lah sehat tuboh badan-nya.

Tugas2:

Bersedia berkhidmat di-merata2 Negeri Brunei dan bekerja di-sebarang waktu.

Gaji:

Dalam scale \$183x7-211-220x10-260-280-290-300.

(c) PEMUNGUT SERANGGA: (8 jawatan kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(1) Mesti-lah berkelulusan Darjah VII Sekolah Melayu dan mempunyai sedikit pengetahuan bahasa Inggeris.

(2) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan seperti yang dinyatakan di-para (1) atas tetapi berpengalaman selama dua tahun sebagai pemungut dan penangkap nyamok dan serangga akan juga di-timbangkan.

(3) Mesti-lah mempunyai pengelihatan yang baik dan tuboh badan yang sehat.

(4) Latehan akan di-beri sa-telah di-lantek.

Tugas2:

(1) Mesti-lah bersedia menjalankan tugas di-merata2 Negeri Brunei dan di-sebarang waktu.

(2) Menchari chontoh2 serangga daripada tempat2 yang

tetap dan tempat2 lain.

Gaji:

Dalam scale \$183x7-211-220x10-260-280-290-300.

(d) MEMUNGUT CHONTOH DARAH:

(6 jawatan kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(1) Mesti-lah berkelulusan Darjah VII Sekolah Melayu dan mempunyai sedikit pengetahuan Inggeris.

(2) Mereka yang tidak mempunyai kelulusan seperti yang dinyatakan di-para (1) atas tetapi berpengalaman selama dua tahun dalam bidang kerja ini akan juga di-timbangkan. Latehan akan di-beri kapada chalon2 sa-telah di-lantek.

Tugas2:

Memungut chontoh2 darah daripada orang ramai sa-perti yang di-kehendaki.

Gaji:

Dalam scale \$183x7-211-220x10-260-280-290-300.

Pemohonan2 yang mesti di-

penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 28 November, 1963.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar menerusi Ketua2 Pejabat mereka siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu "Record of Service" yang lengkap.

PEON

Pemohonan ada-lah di-jemput daripada ra'ayat D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan Peon di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Kelayakan:

Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Darjah VII Sekolah Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.1-2-3-4-5-6 \$143x3-158-160-180x4-200.

Pemohonan2 mesti-lah di-di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 16 November, 1963.

Peneropong Kuman

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berke-layakan dan yang menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk memenohi 6 jawatan kosong sa-bagai Peneropong Kuman dalam Perchubaan di-Ranchangan Menghapuskan Malaria.

Kelayakan2:

(a) Mesti-lah lulus Darjah IV Sekolah Melayu dan Form III Sekolah Inggeris.

(b) Mesti-lah mempunyai pengelihatan yang baik dan tuboh badan yang sehat.

(c) Latehan akan di-beri kapada chalon2 sa-telah di-lantek.

Tugas2:

(a) Mengubat dan memeriksa chontoh2 darah.

(b) Mesti-lah bersedia menerima tugas2 di-merata tempat dalam Negeri Brunei.

Gaji:

Dalam scale \$211-220x10-260-280-290-310-330.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar menerusi Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Perhomonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan Brunei, tidak lewat dari 23 November, 1963.

MERINYU KESEHATAN PERCHUBAAN

Pemohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan2 Merinyu Kesehatan Perchubaan di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Kelayakan:

Pemohon2 mesti-lah berumur sekurang-nya 18 tahun tetapi tidak lebeh daripada 25 tahun.

Mereka mesti-lah ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei atau pun yang berhak di-daftarkan menjadi ra'ayat serta mesti-lah tegap tuboh badan-nya.

Mereka mesti-lah lulus Peperiksaan "Overseas School Certificate" dengan mendapat kepujian ("credit") dalam bahasa Inggeris dan sama ada dalam Ilmu Sain atau pun General Sain. Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang dapat menulis dan bertutor dalam bahasa Melayu.

D.Y.M.M. Sultan akan di-beri jawatan tetap.

Baksis:

Chalon yang di-lantek sechra berkontrek akan di-bayar baksis sebanyak 12½% dari gaji-nya bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Pemohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu "Record of Service" yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 November, 1963.

Gaji:

Dalam tingkatan rendah D(b)3-4-\$240-250-260-280.

Pemohon2 yang terpilih akan di-lantek sechra perchubaan selama tiga tahun dan mesti memperoleh Sijil "Royal Society" bagi memajukan Kesehatan sebelum tamat tempoh perchubaan itu.

Satu kursus pelajaran akan di-atorkan bagi pelatoh2 sama ada di-Singapura atau pun di-Malaya untuk membolehkan mereka untuk mendapat sijil tersebut.

Bayaran2 sekolah dan peperiksaan akan di-bayar oleh Kerajaan.

Pelatoh2 yang mengambil kursus latehan ini akan di-beri tempat kediaman perchuma atau pun alaon rumah bersama dengan alaon2 sara hidup dan perjalanan mengikut kadar yang di-benarkan oleh Kerajaan dari semasa kasemasa.

Pelatoh2 yang gagal memperoleh Sijil "Royal Society" bagi memajukan Kesehatan buat kali yang pertama mungkin di-benarkan mengambil kursus itu buat kali yang kedua. Kelelahan ini akan di-benarkan untuk sa-lama satu kali atau lebeh mengikut sokongan daripada Ketua Pejabat mereka.

Pemohonan2 yang mana mesti-lah di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 18 November, 1963.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu "Record of Service" yang lengkap.

PEGAWAI PENAKSIR RUMAH

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Pegawai Penaksir Rumah di-Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form III Sekolah Inggeris dan Darjah V Sekolah Melayu dan mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman dalam kira-mengira mengenai nilai2 chukai rumah yang di-kenakan oleh Jabatan Bandaran.

Gaji:

Dalam Tingkatan Gaji \$570x30-750 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Chalon yang berjaya yang bukan ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri kontrek selama 3 tahun termasuk-lah enam bulan masa perchubaan. Chalon yang terdiri dari ra'ayat

PERTANDINGAN2 AKHIR BOLA SEPAK MAKTAB2 DAN SEKOLAH2 SA-NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan2 Akhir Bola Sepak Sekolah2 dan Maktab2 Sa-Negeri Brunei, Bahagian2 'A', 'B' dan 'C' telah di-langsungkan di-Padang Besar, Bandar Brunei baharu2 ini dengan memperolehi kejayaan.

Pertandingan bola sepak tersebut, Bahagian 'C' telah di-langsungkan pada petang hari Isnin 28 Oktober, manakala pertandingan2 bola sepak itu Bahagian2 'A' dan 'B' telah di-adakan pada petang hari Juma'at 1 November.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah menyampaikan hadiah2 kepada pasukan2 yang menjadi johan dan naib johan serta kepada tiap2 orang pemain dan pemain simpanan dalam pertandingan2 akhir bola sepak tersebut Bahagian2 'A' dan 'B'.

Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyampaikan hadiah2 kepada pasukan yang menjadi johan serta naib johan dan juga kepada tiap2 orang pemain dan pemain simpanan dalam pertandingan akhir bola sepak tersebut Bahagian 'C'.

Keputusan2 pertandingan2 akhir bola sepak tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Bahagian 'A': Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei mengalahkan Sekolah Melayu Sungai Hanching dengan 3 tendangan sudut berbalas 2 tendangan sudut. Dalam pertandingan itu, kedua2 pasukan telah tidak dapat menjaringkan satu gol pun.

Pasukan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, yang menjadi johan dalam pertandingan bola sepak tersebut telah mendapat hadiah Perisai W. J. Peel, manakala naib johan pertandingan tersebut Sekolah Melayu Sungai Hanching telah mendapat hadiah Piala Perak N. E. Clark.

Bahagian 'B': Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei telah mengalahkan Maktab Anthony Abell, Seria dengan 3 gol berbalas 2 gol.

Dengan kemenangan-nya itu, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah berjaya mendapat Piala Perak E. W. Cousen dan Maktab Anthony Abell telah mendapat Perisai Jawatan Kuasa Sambutan Persembahan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dari Eropah.

Bahagian 'C': Maktab Perguruan Melayu Brunei mengalahkan Maktab Anthony Abell, Seria dengan 3 gol tidak berbalas.

Johan pertandingan tersebut, Maktab Perguruan Melayu Brunei telah mendapat hadiah Perisai Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Dato Paduka Haji Muhammad, manakala Maktab Anthony Abell, Seria yang menjadi naib johan dalam pertandingan itu telah memperolehi hadiah Perisai Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim.



Maktab Perguruan Melayu Brunei telah mengalahkan Maktab Anthony Abell, Seria dalam pertandingan akhir bola sepak antara Maktab2 dan Sekolah2 untuk merebutkan gelaran kejohanan Bahagian 'C' bagi Sa-Negeri Brunei. Pemain2 kedua2 pasukan itu kelihatan dalam gambar ini sa-belum di-langsungkan pertandingan bola sepak tersebut.



Ahli2 Pasokan Sepak Raga Jaring Ikatan Pemuda (S.R.J.I.P.) bergambar ramai sa-telah berjaya dalam Pertandingan Sepak Raga Jaring yang telah di-langsungkan di-Bandar Brunei pada masa Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan. Pertandingan itu telah di-adakan di-bawah anjuran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei. Pasokan S.R.J.I.P. telah menjadi johan dalam pertandingan sepak raga jaring kumpulan 'A' serta menjadi johan dan naib johan kumpulan 'B'. — Gambar kiriman Inche Abdullah Metassan, Ketua Pasokan S.R.J.I.P.

Awang Omar Tamin Menyerah Diri

SERIA. — Sa-orang ketua penderhaka, Awang Omar bin Tamin telah menyerah diri pada malam 21 Oktober, 1963 di-Balai Polis, Seria.

Awang Omar telah keluar dari tempat persebunyiannya pada hari tersebut.

Ia telah mengetuai sa-kumpulan penderhaka2 di-Bahagian Ke-empat, Sarawak pada masa berlaku penderhakaan dalam bulan Desember tahun 1962.

Nama-nya terdapat dalam sin-arai orang2 yang di-chari oleh pihak Polis Sarawak.

Sementara itu, menurut keterangan sa-orang Pegawai Polis Chawangan Khas di-Bandar Brunei, Awang Omar di-perchayai telah menyembunyikan diri di-kawasan Ulu Sungai Brunei di-kawasan Limau Manis.

Juruchakap Polis tersebut berkata bahawa tatkala Awang Omar menyerah diri, ia telah menyatakan bahawa hidup-nya sangat-lah susah, tetapi ia telah takut hendak menyerah diri pada masa dahulu.

CHATETAN:

Penderhaka yang akhir sa-kali di-tangkap di-Brunei ia-lah Jas-sin Affandy, ia-itu Ketua Turus, Tentera Nasional Kalimantan

Utara bersama2 dengan pengikut2-nya di-Serdang, Kuala Sungai Brunei pada 18 Mei yang lalu.

BERKHELAH

DI-PANTAI MUARA

MUARA.—Pegawai2 dan ahli2 Kelab Belia Bandar Brunei telah mengadakan satu temasha perkhelahan pada sa-panjang hari Ahad yang lalu di-pantai perangan Muara.

Berbagai2 peraduan terbuka kepada Pegawai2 dan ahli2 Kelab Belia itu telah di-adakan di-temasha perkhelahan tersebut.

PEGAWAI BAHARU PERSATUAN BEKAS A.P.K. BRUNEI

SERIA.—Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir, Persatuan Bekas Anggota2 Pasokan2 Keselamatan, Negeri Brunei telah me'antek Inche N. Bradbury dari Jabatan Pelajaran Negeri Brunei untuk menggantikan Inche T. Mackie sa-bagai sa-orang Ahli Jawatan Kuasa Tadbir persatuan tersebut. Inche Mackie telah mengucapkan "Selamat Tinggal" kepada Negeri Brunei tidak berapa lama dahulu sa-telah tamat perkhidmatan-nya sa-bagai Pegawai Imigresen Negeri Brunei.

Sandiwara China-Melayu Singapura Bermain Di-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Rombongan Sandiwara China-Melayu dari Singapura telah mengadakan persembahan sa-lama empat malam di-Panggung Boon Pang Baharu di-sini mulai dari malam 29 Oktober dengan mendapat sambutan yang baik dari kalangan para penonton.

Di-antara biduanita2 sandiwara itu ia-lah Bintang Radio Singapura Tahun 1962, Che Ra-feah Ismail dan adinda-nya Che

Aminah Ismail, sa-orang Bintang Television Singapura.

Sandiwara itu telah bermain di-Panggung Marina, Seria mulai dari malam 3 November.

Menurut keterangan Inche Zaini Satar, sa-orang juruchakap Sandiwara itu, rombongan-nya telah melawat ka-Sabah sa-belum tiba di-Brunei dan sa-telah mengadakan persembahan2 di-negeri ini Sandiwara itu akan melawat ka-Sarawak pula.

Pertandingan Tinju

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Tinju ("Boxing") terbuka kepada ahli2 tinju di-seluruh Negeri Brunei yang belum lagi menjadi johan dalam sa-barang pertandingan tinju akan di-adakan di-Bandar Brunei pada malam 7 Desember, 1963.

Sa-barang bayaran pun tidak akan di-kenakan kepada ahli2 tinju yang hendak mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Segala permohonan hendaklah di-alamatkan dengan sa-barapa segera kepada Setia Usaha, Persatuan Tinju Negeri Brunei, Inche S. Palaniandy di-Pejabat Elektrik, Brunei.



INCHE MOHAMED ZAIN

Mendapat Ijazah B.A. Dari Universiti Azhar

BANDAR BRUNEI. — Inche Mohamed Zain bin Haji Sarudin telah kembali ke-Brunei baharu ini dari Kaherah sa-telah tamat belajar di-Universiti Azhar, dengan memperoleh Ijazah "Bachelor of Arts" dalam Bahagian Pengajian Ugama Islam.

Beliau ia-lah penuntut yang pertama sa-kali dari Negeri Brunei yang telah tamat belajar di-Universiti tersebut dengan memperoleh kelulusan yang tinggi.

Inche Mohamed Zain telah belajar di-Sekolah Arab Al-Junid, Singapura atas biasiswa Kerajaan Brunei sa-lama enam tahun sa-tengah.

Kemudian beliau telah melanjutkan pelajaran di-Kolej Islam Malaya di-Klang, Negeri Selangor sa-lama tiga tahun dan sa-lepas itu beliau telah melanjutkan pelajaran di-Universiti Azhar sa-lama empat tahun.

KELAS DEWASA UGAMA MULAUT

SENGKURONG. — Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Inche Johari bin Abdul Razak telah merasmikan pembukaan Kelas Dewasa Ugama Kampung Mulaut.

Majlis tersebut telah di-adakan di-runah Ketua Kampung Mulaut, Dato Setiawan Haji Tinggal pada petang hari Juma'at 18 Oktober dan di-hadiri oleh ramai penuntut2 Kelas Dewasa Ugama tersebut serta beberapa orang para jemputan.

Pegawai Pertanian Negara Menyampaikan Sijil2 Pertanian

KILANAS. — Pegawai Pertanian Negara, Brunei, Yang Berhormat Inche Hamidoon bin Awang Damit telah menyampaikan Sijil2 kepada delapan orang lelaki yang telah tamat menghadhiri kursus pertanian sa-lama dua bulan di-Pusat Perchubaan Pertanian Kerajaan di-Kilanas pada pagi hari Khamis 31 Oktober, 1963.

Dalam ucapan-nya di-majlis itu, Yang Berhormat Inche Hamidoon telah menasehat orang2 yang menerima sijil2 tersebut supaya mereka menggunakan pengetahuan yang mereka memperoleh sa-masa menghadhiri kursus tersebut.

Beliau telah menegaskan bahawa jangan-lah hendak-nya mereka berasa puas hati dengan apa yang mereka telah mempelajari akan tetapi hendak-lah mereka berusaha untuk memperbaiki lagi diri mereka dengan menggunakan pengetahuan mereka, bukan hanya untuk diri mereka sendiri, bahkan hendak-lah mereka membahagikan-nya kepada orang2 di-kampung2 mereka.

Maka dengan jalan itu, kata beliau, dapat-lah mereka memberi pertolongan kepada orang2 di-kampung mereka berkenaan dengan hal ehwal yang bersangkutan paut dengan pertanian.

Ini-lah kumpulan yang ke-lima orang2 yang telah di-pilih untuk menghadhiri kursus pertanian di-Pusat Perchubaan Pertanian di-Kilanas semenjak kursus itu di-adakan dalam tahun lepas.

Sementara itu delapan orang lagi, ia-itu dua orang dari tiap2 Daerah dalam Negeri Brunei telah menghadhiri kursus tersebut mulai dari hari Juma'at 1 November sa-lama dua bulan.

Malam Kesenian Dan Kebudayaan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei

SERIA. — "Sengketa" — ia-itu sa-buah drama yang mencherminkan ta'at setia penduduk2 Negeri Brunei kepada Kabawah Duli Yang Maha Mulia Al-merhom Sultan Hassan pada tahun 1609 telah di-persembahkan oleh ahli2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-temasha Malam Kesenian dan Kebudayaan persekutuan tersebut pada malam 25 Oktober.

Temasha tersebut telah di-adakan di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria sa-bagai menyambut Meshuarat Agong Ulang Tahun, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, kali yang ke-enam belas dengan memperoleh kejayaan.

Setia Usaha Agong, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Inche Umar bin Muhammad telah membuka temasha tersebut dengan melafadzkan satu ucapan yang berharga.

Berbagai2 acara yang menarik hati para penonton telah di-persembahkan di-temasha tersebut.

Di-antara acara2 tersebut ialah sa-buah drama bertajok

"Sengketa", persembahan istimewa mengenai 'Adat Meminang Di-Negeri Brunei, Shaer Tambang oleh Chegu Haji Abdul Hamid Yaakub, nyanyian lagu2 Brunei Asli dan lagu2 baharu, tari2 yang berchorak kebudayaan Melayu serta sa-buah lakonan jenaka bertajok "Penyambong Nyawa".

Pancharagam Tunas Baru Persekutuan Guru2 Melayu Brunei yang telah di-tubuhkan baru2 ini di-bawah pimpinan Inche Mohamed Sum bin Hashim dengan di-bantu oleh Chegu Pengiran Tajuddin bin Pengiran Rabaha telah bermain di-temasha tersebut.

Temasha itu telah di-akhiri dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negeri Brunei.



INCHE MOHAMED

Menang Peraduan Mengarang

BANDAR BRUNEI. — Inche Mohamed bin Chuchu sa-orang Peon di-Jabatan Pelajaran, Kuala Belait telah berjaya memenangi hadiah pertama dalam Peraduan Mengarang anjoran Borneo Literature Bureau, Kuching, Sarawak.

Ia telah mendapat hadiah sebanyak \$100 dan akan mendapat lain2 hadiah sa-telah karangan2-nya di-chetak menjadi sa-buah buku oleh lembaga karang-mengarang tersebut.

Inche Mohamed telah di-lahirkan di-Lamunin, Daerah Tutong 19 tahun dahulu. Ia telah belajar di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong dan kemudian telah belajar di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei.

KELAS DEWASA UGAMA LUMUT

LUMUT. — Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah merasmikan pembukaan Kelas Dewasa Ugama Kampung Lumut bertempat di-Mesjid Lumut pada hari Juma'at 18 Oktober.

Turut memberikan ucapan di-majlis tersebut ia-lah Pemereksa Seko'ah2 Ugama Daerah Belait, Inche Abdul Rahman bin Khatib Abdullah.

Kelas Dewasa Ugama tersebut ada-lah mengandungi 20 orang penuntut2 lelaki dan 10 orang penuntut2 perempuan.



Temasha Malam Kesenian dan Kebudayaan PGGMB yang telah di-adakan di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada malam 25 Oktober telah memperoleh kejayaan. Gambar2 di-sa-belah kiri dan atas telah di-ambil di-temasha tersebut.